

Hidup Pesakit Kanser Berubah Dengan ZIKRULLAH

“DEMI sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan daripada harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.” (al-Baqarah: 155-156)

Inna lillahi wa inna ilaihi rojiun... Itulah perkataan yang sepatutnya kita umat Islam ucapkan apabila tertimpa musibah atau penyakit. Namun realitinya, banyak yang akan mengatakan “Kenapa aku?” kala musibah itu datang.

Alhamdulillah, kita dipilih Allah menjadi seorang Islam. Kerana Islamnya kita maka al-Quran dan

hadis menjadi panduan yang amat berharga. Sebutlah apa sahaja, al-Quran dan hadis sudah ada jawapannya. Saat ujian melanda Allah berikan cara untuk menghadapinya dengan positif. Tanpa ada rasa kecewa dan putus asa, ujian dilalui dengan tenang kerana segala yang berlaku berserta sejuta hikmah.

Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w, “Tidak ada seorang Muslim pun yang ditimpa gangguan seperti tusukan duri atau lebih berat daripadanya melainkan dengan ujian itu dihapuskan Allah perbuatan buruknya serta digugurkan dosanya sebagaimana pohon kayu yang menggugurkan daunnya.” (HR Bukhari dan Muslim).

Persoalannya, adakah kita mampu menguatkan semangat untuk bersabar dan redha dengan ketentuan Allah sekiranya kita diberitahu menghidap kanser. Suatu penyakit yang amat sukar dirawat dan meninggalkan kesan besar dari

segi fisiologi dan psikologi kepada penghidapnya?

Berdasarkan Registri Kanser Kebangsaan 2007-2011, kes kanser baru didiagnosis dalam tempoh tersebut ialah 103,507 kes, yang melibatkan 46,794 pesakit lelaki dan 56,713 pesakit wanita. Lima kanser utama yang dikesan ialah payudara (17.7 peratus), kolorektum (13.2 peratus), paru-paru, trakia dan bronkus (10.2 peratus), limfoma (5.2 peratus) dan nasofarinks (4.9 peratus).

Apa yang membimbangkan, kebanyakan kes kanser ini dikesan pada tahap akhir (peringkat tiga dan empat). Bagi kes-kes awal yang berada pada peringkat satu dan dua, kadar pemulihan melalui rawatan awal adalah masing-masing 90 dan 85 peratus namun bagi peringkat tiga dan empat, kadar pemulihan adalah kurang daripada 50 peratus.

Di kalangan lelaki, penyakit kanser yang banyak berlaku pada

mereka ialah kanser kolorektum sebanyak 16.3 peratus, paru-paru (15.8 peratus), nasofarinks (8.1 peratus), limfoma (6.8 peratus) dan prostat (6.7 peratus).

Manakala bagi pesakit wanita pula ialah kanser payudara sebanyak 32.1 peratus, kolorektum (10.7 peratus), serviks uteri (7.7 peratus), ovari (6.1 peratus) dan paru-paru (5.6 peratus). Kanser payu dara banyak dikesan dalam kumpulan umur 45 hingga 69 tahun. Sebanyak 20 peratus kes kanser ini dikesan pada peringkat 1, 37 peratus pada peringkat 2, 23 peratus pada peringkat tiga dan 20 peratus pada peringkat empat.

Bahkan dalam laporan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) pada 2012, kanser payudara dikatakan punca utama kematian di seluruh dunia. Di negara-negara Arab pun, kanser payu dara merupakan jenis kanser yang paling banyak dihidap oleh wanita, iaitu sekitar 16.1 peratus di Oman kepada 35.4 peratus di Bahrain.

Impak Kerohanian

Kanser payu dara juga merupakan jenis kanser paling utama yang dihidap oleh penduduk Jordan iaitu 20.4 peratus daripada semua kes baru. Kanser jenis ini meninggalkan trauma fizikal, psikologi dan masalah sosial sepanjang hayat kepada wanita yang menghidapnya. Bagi membantu golongan pesakit ini, sekumpulan penyelidik di Jordan mengkaji hubungan kerohanian dengan empat dimensi kualiti kehidupan iaitu kesejahteraan fizikal, sosial, emosi dan fungsi di kalangan pesakit kanser payu dara di negara itu.

Menurut para penyelidik dari Kolej Kejururawatan, Universiti Sains

Doa pula didefinisikan sebagai komunikasi dengan Tuhan, sebagai satu pengalaman dan pernyataan roh manusia. Kajian mendapati doa mempunyai kesan positif pada tindak balas fizikal pesakit yang kritikal.

dan Teknologi Jordan (JUST) dan Pusat Kanser Raja Hussein (KHCC) itu, pesakit kanser payu dara mengalami perubahan fizikal pada badan mereka akibat mastektomi, parut, perubahan warna kulit dan berat badan. Selain itu, rawatan kemoterapi pula meninggalkan kesan sampingan seperti loya dan muntah, hilang selera makan, sembab, rambut gugur, kerap mengalami jangkitan kerana imuniti badan lemah (contoh jangkitan dada, jangkitan pada lokasi peralatan intravena dipasang dan septicaemia (keracunan darah), demam, sakit otot, cirit-birit atau sembelit, kemandulan, letih lesu dan lemah.


Psikologi pesakit kanser payudara turut terkesan. Mereka berasa takut akan apa yang bakal berlaku pada masa depan, bimbang dan murung. Sejurus selepas menerima diagnosis, kebanyakan wanita berasakan hidup mereka sudah berakhir dan tidak keruan. Mereka berasa tidak mampu mengawal diri, tidak berupaya, tidak pasti akan masa depan, marah, keliru, bersalah, bimbang dan murung.

Pesakit ini juga mempunyai pandangan negatif mengenai kanser dan menganggapnya penyakit yang tidak boleh sembuh dan mendepaninya dengan rasa tidak pasti serta berputus harap. Bagaimanapun, banyak kajian mendapati pesakit-pesakit ini mempunyai beberapa strategi untuk mendepani penyakit itu. Salah satu

caranya ialah menerusi kerohanian bagi membantu mereka mendapat harapan, rasa bersyukur dan bersikap positif, sekali gus meningkatkan kualiti hidup mereka.

Turun Paras Keresahan

Kajian oleh Ahlam Al-Natour dan Abeer M.A. Qandil dari JUST serta Sharaf Mohammed Al Momani dari KHCC yang diterbitkan pada Februari 2017 itu menggunakan data daripada 150 orang pesakit berumur antara 25 hingga 69 tahun yang sedang menerima rawatan di KHCC. Kebanyakannya (48.9 peratus) menghidap kanser payu dara peringkat dua. Mereka dikhendaki menjawab soalan-soalan kajian (purata masa antara 15 hingga 20 minit) semasa



Health + Care / Treatment

pg. 10-13

Al-Islam, Jan. 2018

CTR No: 0000275623

HEA 2018/44A12



bersabar ialah syurga. Orang Islam juga yakin dengan kuasa Allah untuk menyembuhkan penyakit seperti yang dinyatakan dalam al-Quran. Sakit yang diberikan kepada mereka adalah peluang bagi mereka untuk memikirkan dosa mereka, memikirkan orang lain yang sakit dan merenung kehidupan di akhirat.

Kerohanian meningkatkan QoL dengan menurunkan paras keresahan, kemarahan dan kebimbangan, serta meningkatkan harapan, menjadikan individu itu lebih optimistik dan bebas daripada rasa kesal. Sekali pun berlainan agama (dalam kajian ini, agama Kristian), penyelidik itu mendapati pesakit kanser payu dara yang mempunyai kerohanian dan matlamat hidup yang lebih tinggi akan lebih optimistik dan memiliki harapan.

Kekuatan rohani bertindak sebagai penampakan dan membantu individu melalui pengalaman perit apabila menerima diagnosis dan rawatan penyakit kronik. Kepercayaan agama dan kekuatan rohani membolehkan pesakit menerima penyakit itu, menanganinya secara efektif dan meningkatkan kesejahteraan fungsi, fizikal, sosial dan minda.

Doa Komunikasi Dengan Tuhan

Kajian mereka ini boleh dikatakan lanjutan kepada kajian yang pernah dilakukan oleh Martha Meraviglia, penolong profesor kejururawatan klinikal di Kolej Kejururawatan, Universiti Texas di Austin lebih sedekad sebelumnya. Dalam kajiannya pada 2006,

Meraviglia menggesa pengamal perubatan melihat kepada aspek kerohanian dalam membantu pesakit.

Beliau merujuk kepada beberapa kajian lain sebelum itu yang telah membuktikan aspek kerohanian, seperti erti dan tujuan hidup, doa dan perspektif kerohanian, boleh memberi manfaat kepada pesakit kanser.

Berdasarkan analisis konsep, Meraviglia mendefinisikan kerohanian sebagai pengalaman dan pernyataan rohani dalam proses unik dan dinamik yang membayangkan kepercayaan kepada Tuhan atau Yang Maha Berkuasa; penyatuan dengan diri sendiri, orang lain, alam sekitar atau Tuhan; dan penggabungan dimensi minda, badan dan roh.

Doa pula didefinisikan sebagai komunikasi dengan Tuhan, sebagai satu pengalaman dan pernyataan roh manusia. Kajian mendapati doa mempunyai kesan positif pada tindak balas fizikal pesakit yang kritikal. Ada juga orang yang memanfaatkan doa untuk menguruskan penuaan dan penyakit, malah beberapa kajian turut menyatakan doa sebagai satu strategi berkesan untuk menangani pelbagai penyakit, bermula dari sakit jantung koronari hingga kepada kerosakan ginjal.

Kesejahteraan Psikologi

Kajian Meraviglia, melihat kepada bagaimana konsep kerohanian menerusi matlamat hidup dan doa menjadi perantara impak kanser payudara ke atas kesejahteraan fizikal dan psikologi. Sebanyak 84 orang wanita berumur antara 34 hingga 80 tahun menyertai kajian ini. Sebahagian besar mereka memiliki pendidikan tinggi, berkerjaya dan

berkahwin. Majoritinya mempunyai kanser payu dara peringkat I dan II – 36 peratus didiagnosis dalam satu tahun sebelumnya, 38 peratus didiagnosis antara satu hingga lima tahun, dan 26 peratus telah menerima diagnosis mereka lebih lima tahun lalu.

Beliau mendapati, mereka yang menyatakan tahap kesejahteraan psikologi lebih baik adalah mereka yang mempunyai kanser peringkat lebih rendah, status fungsi lebih tinggi dan lebih dekat dengan Tuhan. Mereka yang ada matlamat hidup lebih tinggi adalah mereka yang berusia, lebih status fungsi, hubungan dekat dengan Tuhan dan lebih berpuas hati dengan pendapatan mereka. Manakala mereka yang banyak berdoa mempunyai hubungan dekat dengan Tuhan, tahap pendidikan lebih rendah dan pendapatan lebih rendah. Bagaimanapun, golongan ini direkodkan mempunyai tahap kesejahteraan psikologi mereka adalah amat baik.

Sehubungan itu, Meraviglia dalam kajiannya menyarankan agar jururawat di bahagian onkologi menggunakan aspek kerohanian untuk memberi keselesaan dan panduan kepada wanita yang baru didiagnosis menghidap kanser payudara dan sedang menerima rawatan.

Perspektif Islam

Dalam kajian mereka, penyelidik dari JUST dan KGCC mahu supaya penilaian pesakit tidak hanya dilihat dari sudut fizikal dan psikologi semata, tapi turut mengambil kira kesejahteraan rohani mereka. Psikoterapi perlu mengintegrasikan intervensi rohani dengan kerjasama tokoh agama, pihak berkuasa yang berkenaan, pembuat keputusan dan pengurus.

Kurikulum kejururawatan dan pendidikan berterusan juga perlu menyertakan topik mengenai intervensi keagamaan dan penilaian kerohanian di samping penilaian fizikal dan psikologi kerana dua aspek ini penting dalam meningkatkan QoL dan kesejahteraan pesakit kanser.

Di Iran, intervensi kerohanian atau agama untuk pesakit kanser telah dilaksanakan sejak lebih dua dekad bagi mencegah atau merawat pelbagai masalah fizikal termasuk menguruskan sakit kronik, menangani penyakit itu sendiri, memberi harapan dan kesihatan mental.

Bagi membuktikan keberkesanan kaedah ini, sekumpulan penyelidik dari Universiti Sains Perubatan Shahid Beheshti, Teheran melihat kepada kesihatan bio-psikologi gen di kalangan pesakit kanser. Sebanyak

57 sukarelawan yang baru didiagnosis menghidap kanser payu dara terbabat dalam kajian ini. Sampel darah mereka diambil sebelum dan selepas intervensi kerohanian bagi menganalisis perubahan dalam bentuk penerima gen dopamina.

Mereka mendapati penerima gen dopamina amat rendah dalam sampel darah kumpulan yang menerima intervensi kerohanian berbanding sebelum intervensi dan kumpulan kawalan. Ini menunjukkan intervensi kerohanian berdasarkan prinsip Islam boleh mengembalikan kesihatan mental, memberi harapan dan kualiti kehidupan pesakit kanser payu dara.

“Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran Ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambah orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.” (al-Israa' 82). **A**

